

26 AUG 1999

Osu-Ekonomi

PEMULIHAN EKONOMI CONTOH CERITA KEGIGIHAN PEMIMPIN NEGARA, KATA OSU

KOTA KINABALU, 26 Ogos (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Osu Sukam hari ini berkata kejayaan Malaysia keluar daripada kemelesetan ekonomi adalah contoh cerita kegigihan kepemimpinan negara ini dalam mengatasi masalah yang dihadapi.

Ia juga membuktikan bahawa dengan sokongan padu rakyatnya, negara mampu mengatasi sebarang masalah, katanya.

"Pemulihan ekonomi inilah yang diusahakan dengan gigih oleh kerajaan dan ia dapat dilakukan kerana sokongan semua pihak," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar peluang perniagaan bersama usahawan Tenaga Nasional Bhd di sini.

Beliau mengulas pengumuman Bank Negara semalam berhubung kejayaan Malaysia keluar daripada cengkaman kemelesetan ekonomi apabila mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 4.1 peratus dalam suku kedua tahun ini selepas menguncup 1.3 peratus pada suku pertama tahun ini.

Osu berkata negara juga berjaya dalam usaha memulihkan ekonomi hasil kegigihan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mengembalikan keyakinan di kalangan pelabur.

"Beliau (Dr Mahathir) memberikan ruang kepada pelabur untuk melabur di negara ini dan memberi keyakinan kepada orang ramai yang mempunyai wang untuk berbelanja dan juga bagi bank untuk memberikan pinjaman," katanya.

Dengan pemulihan ekonomi ini, tiada lagi mana-mana pihak, khususnya parti pembangkang, akan dapat menggunakan isu ekonomi sebagai isu politik, katanya.

"Bukan sahaja rakyat negara ini, malah seluruh dunia mengakui bahawa Malaysia sudah berjaya memulihkan ekonominya...badan penarafan antarabangsa juga menyemak semula penarafan mereka untuk memberikan rating yang lebih baik kepada negara," katanya.

-- BERNAMA

JS RHM